

KENYATAAN MEDIA

PENGANUGERAHAN EMPAT KONTRAK BAGI LALUAN MRT SUNGAI BULOH- SERDANG-PUTRAJAYA

Pakej Kerja Tren Elektrik, Semboyan dan Kawalan Tren serta dua Pakej Kerja Jejambat dianugerahkan

Kuala Lumpur, 12 May 2016: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin mengumumkan penganugerahan empat kontrak pakej kerja bagi pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Anugerah ini, termasuk dua Pakej Kerja Jejambat dan dua Pakej Kerja Sistem, telah dibuat berikutan mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehati (*One Stop Procurement Committee*) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar berkata dengan pakej kerja terkini yang dianugerahkan, pembangunan Laluan SSP boleh berjalan dengan lancar.

"Sebelum ini, kita menyaksikan kebanyakan pakej-pakej kerja sivil yang dianugerahkan. Sekarang, kami mula menganugerahkan Pakej-Pakej Kerja Sistem. Ini merupakan perkembangan yang baik bagi Laluan SSP," jelas beliau.

Pakej Kerja Sistem SY203 untuk kejuruteraan, perolehan, pembinaan, pengujian dan pentauliahan tren elektrik dan peralatan depoh bagi Laluan SSP telah dianugerahkan kepada HAP Consortium.

Konsortium ini terdiri daripada Hyundai Rotem Company dari Korea, Apex Communications Sdn Bhd yang merupakan syarikat Malaysia, dan POSCO Engineering Co Ltd, yang juga dari Korea.

Nilai kontrak untuk pakej kerja ini adalah RM1.62 bilion.

Pakej Kerja Sistem kedua, Pakej SY201 untuk kejuruteraan, perolehan, pembinaan, pengujian dan pentauliahan sistem semboyan dan kawalan tren bagi Laluan SSP telah dianugerahkan kepada sebuah konsortium yang terdiri daripada Bombardier (Malaysia) Sdn Bhd and Global Rail Sdn Bhd.

Kontrak ini bernilai RM458.02 juta.



Bombardier (Malaysia) Sdn Bhd merupakan kontraktor pakej kerja bagi sistem semboyan dan kawalan tren untuk Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Bagi Pakej Kerja Bertingkat, Pakej Kerja V203 untuk pembinaan dan penyiapan jejambat sepanjang 4.6km dan kerja-kerja lain yang berkaitan dari Jinjang ke Portal Utara Jalan Ipoh dianugerahkan kepada IJM Construction Sdn Bhd. Kontrak ini bernilai RM1.47 bilion.

IJM adalah Kontraktor Pakej Kerja bagi Pakej Jejambat V5 Laluan SBK untuk pembinaan jejambat bertingkat dari Portal Maluri ke Taman Connaught di Cheras. Ia juga merupakan sub-kontraktor yang dipilih bagi Pakej Stesen S5 untuk pembinaan empat stesen bertingkat sepanjang jajaran bertingkat tersebut.

Sementara itu, Malaysian Resources Corporation Bhd adalah penender yang berjaya bagi Pakej Kerja V210 untuk pembinaan dan penyiapan jejambat sepanjang 2.6km dan kerja-kerja lain yang berkaitan dari Persiaran APEC di Cyberjaya ke Putrajaya Sentral.

Kontrak ini bernilai RM648.00 million.

Shahril berkata pemilihan tender yang berjaya bagi Pakej Kerja Projek MRT adalah berdasarkan Penilaian Tender Terbaik, di mana kedua-dua aspek teknikal dan komersial tender dinilai. Justeru, tender yang berjaya tidak semestinya tender dengan harga yang paling rendah.

“Saya dengan sukacitanya memaklumkan penender yang berjaya bagi Tren Elektrik, Jejambat V203 dan Jejambat V210 telah mengemukakan harga terendah bagi tender masing-masing,” ujar beliau.

Tambah beliau lagi, penender yang berjaya mempunyai rekod prestasi yang baik dan merupakan syarikat-syarikat yang terkenal di dalam industri mereka.

“Saya berharap kerjasama erat akan terjalin antara MRT Corp dengan kontraktor-kontraktor tersebut dan saya yakin mereka semua akan dapat melaksanakan kerja mereka sebagai kontraktor dengan baik bagi Projek infrastruktur yang penting ini,” kata beliau.

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Mr Leong Shen-li
MRT Corp

012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my